

3 FEBRUARI 2021 ( RABU )



MOHD Izzuddin bersama produk keluaran syarikatnya.

## Akie Burger sasar 200 usahawan

Buka peluang peniaga Bumiputera, B40 raih pendapatan



Dengan modal pertama RM400, mereka diberikan kios menarik dengan rekaan terkini dan pelbagai kelengkapan turut diberikan secara percuma"

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@metro.com.my

### Kuantan

**A**kie Burger Malaysia menyasarkan untuk menghasilkan 200 usahawan burger Bumiputera golongan B40 yang mampu meraih pendapatan lumayan tahun ini.

Kini terdapat lebih 60 usahawan terbabit dalam program francis perniagaan makanan segera berkenaan menggunakan kios di Kuantan, Kuala Terengganu, Kna-

Mohd Izzuddin Mohamed

la Lumpur dan Putrajaya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Izzuddin Mohamed berkata, sambutan yang menggalakkan masyarakat terhadap produk jenama Akie Burger memberi ruang lebih cerah kepada usahawan Bumiputera untuk mencipta kejayaan da-

lam bidang perniagaan itu. Katanya, hanya berbekalan kurang seumur hidup RM600, mereka mampu menjadi usahawan berjaya menggunakan jenama Akie Burger yang kini terkenal dengan pelbagai produk.

"Dengan modal pertama RM400, mereka diberikan kios menarik dengan rekaan terkini dan pelbagai kelengkapan turut diberikan secara percuma."

"Kami turut menyediakan bahan mentah seperti daging atau patty burger, sos, roti dan sos sebagai permulaan perniagaan. Usahawan hanya perlu menyediakan bahan seperti sayur, telur dan tomato," katanya.

Menurutnya, setiap bulan usahawan hanya perlu membayar sewa RM260 dengan syarat tambahan semuanya bahar utama perlu menggunakan produk Akie Burger.

Mohd Izzuddin berkata, selepas 12 tahun berada di pasaran tempatan, pihaknya akan menggerakkan dua kilang baru di kawasan perindustrian Indera Mahkota 14, selain menghasilkan produk lain seperti sosis dan nugget.

"Ketika ini, kami mempunyai kilang yang memproses lima tan daging ayam dan sembilan tan daging lembu bagi menghasilkan daging burger."

"Kilang baru yang akan beroperasi tidak lama lagi akan mengeluarkan produk sosis, nugget, sos dan roti burger menggunakan jenama Akie Burger."

"Saya berharap lebih ramai lagi belia Bumiputra yang meminati bidang perniagaan dapat merebut peluang yang disediakan untuk meraih pendapatan lumayan sebagai usahawan," katanya.